



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN  
AGensi PENGANGKUTAN AWAM DARAT

## KENYATAAN AWAM AGensi PENGANGKUTAN AWAM DARAT

### SISTEM PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN (iSPKP) BAGI PERMOHONAN MELESENKAN KENDERAAN AKAN BEROPERASI BERMULA 19 APRIL 2024

Sistem Pelesenan Kenderaan Perdagangan (iSPKP) di bawah Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) iaitu sistem pelesenan dalam talian telah mula beroperasi secara berfasa sejak **29 Mac 2024**.

Kesinambungan daripada itu, APAD ingin memaklumkan bahawa **PERMOHONAN BAGI MELESENKAN KENDERAAN SECARA DALAM TALIAN AKAN MULA BEROPERASI PADA 19 APRIL 2024 (JUMAAT)**.

Sehubungan itu, APAD ingin memaklumkan kepada semua pemain industri dan pelanggan kami, **tiada lagi urusan secara manual di kaunter bagi permohonan melesenkan kenderaan bermula 19 April 2024 (Jumaat)**. Permohonan lain seperti membaharui, ubahsyarat dan membatalkan masih diteruskan di kaunter sehingga satu tempoh yang akan dimaklumkan kelak.

Dalam perkembangan sama, APAD ingin menyeru kepada semua pemain industri yang masih belum membuat pendaftaran syarikat di iSPKP agar segera berbuat demikian bagi mengelakkan sebarang kesulitan permohonan di masa hadapan. Sila layari portal rasmi iSPKP iaitu <https://portal.ispkk.gov.my/> untuk mendaftar. Sebarang pertanyaan mengenai iSPKP, sila emelkan ke [pertanyaan\\_ispkk@apad.gov.my](mailto:pertanyaan_ispkk@apad.gov.my)

**AGensi PENGANGKUTAN AWAM DARAT**  
**18 APRIL 2024**

**-TAMAT-**

#### Pertanyaan

#### **Agensi Pengangkutan Awam Darat**

Tel +603 2603 6600 (Talian Umum)  
+603 2603 6689 (Unit Komunikasi Korporat)

E-mail [ukk@apad.gov.my](mailto:ukk@apad.gov.my)

[www.apad.gov.my](http://www.apad.gov.my)